

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 10, 2019 2:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: STHEM Rangkul Dua Anugerah Kulinari



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

10 MAC 2019 / 03 REJAB 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara

STHEM RANGKUL DUA ANUGERAH KULINARI



UUM ONLINE: Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM), Universiti Utara Malaysia (UUM) merangkul dua anugerah Diploma pada 6th International Halal Chef Challenge Penang 2019 sempena 10th Halal Expo & Conference 2019 di Setia Arena Spice, Pulau Pinang baru-baru ini.

STHEM menerima anugerah Diploma bagi kategori “Artistic Wedding Offering” yang disertai oleh 25 peserta dari pelbagai negara seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan Vietnam.

Penganugerahan menilai beberapa aspek utama seperti kreativiti, tahap kesukaran, keaslian dan persembahan produk diterima oleh dua staf STHEM iaitu Muhamad Shah Kamal Ideris dan Norhafizi Nordin.

Muhamad Shah Kamal merakamkan rasa kesyukuran atas penganugerahan yang diterima walaupun persediaan yang dibuat bagi menyertai pertandingan berkenaan amat singkat dan bersaing dengan peserta lain yang terdiri daripada kalangan para profesional dalam bidang kulinari serta lebih berpengalaman.

"Kami mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bahagi dari Dekan STHM, Dr Johan Afendi Ibrahim, pihak pengurusan STHM, ahli-ahli akademik dan staf-staf pentadbiran.

"Kejayaan ini turut dikongsi bersama dua staf yang membantu sepanjang pertandingan berlangsung iaitu Mohd Fariz Azhar Husin dan Firdaus Ghazali.

"Semoga dengan anugerah dan penyertaan dalam pertandingan kulinari sebegini dapat dijadikan pemangkin bagi menggalakkan penyertaan daripada pelajar Program Sarjana Muda Pengurusan Hospitaliti kelak," ujarnya.

6th International Halal Chef Challenge Penang 2019 disertai oleh 1200 peserta dan mengumpul lebih dari 1000 ahli profesional bidang kulinari dari lapan buah negara yang bersaing dalam 31 kategori bagi merebut penganugerahan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.